

Muzium alam tarikan terbaru Putrajaya

KOSMO 17/12/02 M/S 2

Oleh ROSMALINA ABD. KADIR
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Orang ramai yang meminati alam semula jadi kini berpeluang menyaksikan himpunan 40,176 spesies flora dan fauna yang akan dipamerkan di Muzium Alam Semulajadi di Putrajaya mulai September tahun hadapan.

Muzium terbaru yang bakal beroperasi di Presint 15 itu, akan memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat dengan lebih dekat sebanyak 1,181 spesies burung, 4,338 mamalia, 184 amfibia dan 132 spesies reptilia.

Selain itu, terdapat juga sebanyak 11,531 spesies serangga, 1,014 botani, 2,080 geologi,

108 jenis tulang dan tengkorak serta 59 jenis telur burung.

Menurut Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal, muzium terbaru itu bukan sahaja akan memperkenalkan kepelbagaian spesies tumbuhan dan hidupan yang terdapat di negara ini, malah membekalkan maklumat mengenai kebaikan dan kegunaan setiap spesies berkenaan.

“Tanpa kita sedari, banyak tumbuh-tumbuhan yang terdapat di negara ini mempunyai kebaikan daripada segi perubatan dan dijadikan sebagai makanan untuk kesihatan,” katanya pada pelancaran Pameran Senjata Tradisional: Misteri dan Kesaktian di Muzium Negara, semalam.

Sementara itu, mulai semalam hingga 20 April tahun hadapan, pengunjung Muzium Negara berpeluang menyaksikan sebanyak 479 koleksi senjata tradisional yang pernah digunakan oleh pelbagai etnik dan kaum di negara ini.

Lebih menarik, terdapat juga sebanyak tujuh koleksi senjata prasejarah, turut dipamerkan terdiri daripada Kapak Batu, Pisau Batu dan Beliung Batu yang digunakan pada zaman Neolitik dan Mesolitik.

Selain itu, terdapat juga 338 jenis senjata Melayu seperti keris, tombak, lembing, kapak dan golok, 21 senjata Cina, 15 senjata India, 39 jenis senjata Orang Asli dan 59 senjata Sabah dan Sarawak.